



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SABTU, 30 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

30/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	SELANGOR GARIS LIMA ELEMEN KERANGKA EKONOMI PENJAGAAN, TINGKAT KESEJAHTERAAN SOSIAL	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2258173	BERNAMA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	JALANI SARINGAN KANSER SERVIKS PERCUMA DI KLINIK NUR SEJAHTERA	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/29/jalani-saringan-kanser-serviks-percuma-di-klinik-nur-sejahtera	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.theborneopost.com/2023/12/29/dr-sim-sarawak-records-highest-rate-of-cervical-cancer/	THEBORNEOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
3	MENGAKU LIWAT KANAK-KANAK 12 TAHUN DI ASRAMA MUALAF	
	https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/12/mengaku-liwat-kanak-kanak-12-tahun-di-asrama-mualaf/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/29/pemuda-mengaku-perbuatan-keji-ke-atas-kanak-kanak-12-tahun/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1045247/lelaki-berdepan-empat-tuduhan-liwat-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=4ejXL5HzjLk	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=wmZ0hn5CNi4	YOUTUBE
	https://malaysiagazette.com/2023/12/29/pemuda-menangis-didakwa-liwat-kanak-kanak-12-tahun/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/29/youth-faces-four-counts-of-sexual-assault-on-teen-boy	THESTAR.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK


www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

30/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	PEMANDU LORI DIDAKWA ROGOL ANAK DI HOTEL	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1193898/pemandu-lori-didakwa-rogol-anak-di-hotel	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/641754/berita/semasa/pemandu-lori-didakwa-rogol-anak-kandung-di-hotel	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/12/29/pemandu-lori-dituduh-rogol-anak-sendiri/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/pemandu-lori-tidak-mengaku-tuduhan-rogol-anak-kandung/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=YTnx9coxtII	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
5	LELAKI DISYAKI ROGOL REMAJA PEREMPUAN 15 TAHUN DI HOTEL BAU DITANGKAP	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/29/lelaki-disyaki-rogol-remaja-perempuan-15-tahun-di-hotel-bau-ditangkap	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://suarasarawak.my/polis-tahan-suspek-kes-rogol-remaja-perempuan-di-bau/	SUARASARAWAK.MY



SELANGOR GARIS LIMA ELEMEN KERANGKA EKONOMI PENJAGAAN, TINGKAT KESEJAHTERAAN SOSIAL



29/12/2023 07:51 PM

KUALA LUMPUR, 29 Dis (Bernama) -- Selangor akan menggariskan lima elemen penting dalam mewujudkan kerangka atau dasar berkaitan sektor ekonomi penjagaan melibatkan kanak-kanak, wanita dan warga emas di negeri berkenaan.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor Anfaal Saari berkata lima elemen yang akan dimasukkan dalam kerangka yang dijangka diluncurkan pada suku kedua 2024 itu adalah advokasi dan promosi, tatakelola dan kawal selia, tenaga kerja dan penjaga terlatih, pelaburan dan kerjasama serta inovasi dan teknologi.

"Advokasi dan promosi untuk mengenal pasti kepentingan, keadaan semasa ekonomi penjagaan, sekiranya kita boleh selaraskan (inisiatif), maka di situ ada peluang ekonomi. Teras kedua tentang tatakelola dan kawal selia, kerajaan negeri berhasrat untuk memenuhi keperluan ibu bapa seperti taska.

"Ketiga, tenaga kerja dan penjaga terlatih (iaitu) memastikan tenaga kerja dan penjaga terlatih mendapatkan latihan yang berstruktur, keempat (pelaburan dan kerjasama) iaitu kerajaan memainkan peranan untuk memberi rangsangan kepada syarikat contohnya dalam pengumpulan data," katanya dalam program Ruang Bicara bertajuk 'Memartabat Ekonomi Penjagaan' terbitan Bernama TV, semalam.

Belliau berkata teras kelima memfokuskan mengenai penggunaan teknologi yang harus mengambil kira cara masyarakat dapat meningkatkan kecekapan dan memberikan akses kepada kumpulan sasaran yang dikehendaki.

Sektor penjagaan ditakrifkan sebagai aktiviti dan hubungan yang terlibat dalam memenuhi keperluan fizikal, psikologi dan emosi orang dewasa dan kanak-kanak, tua dan muda, lemah dan yang sihat.

Hampir keseluruhan aspek penjagaan bukan sahaja dibebankan atas bahu golongan ibu atau wanita, malah sebahagian besar peranan penting yang membolehkan ekonomi berfungsi bersifat informal yang tidak melibatkan bayaran.


Anfaal menjelaskan kerangka tersebut mampu menyelesaikan pelbagai masalah berbangkit bagi golongan wanita dalam sektor kerja penjagaan kerana ia dilihat menerusi hubungannya dengan pasaran, upah kerja, ciri kerja yang dilakukan dan sasaran penerima penjagaan dalam sektor itu, yang dilatari dua isu utama iaitu kerja penjagaan tidak berbayar dan kerja penjagaan kurang upah.

Selain itu, beliau juga memaklumkan statistik wanita di luar tenaga buruh ialah 69.6 peratus dan antara faktor utama yang menyumbang senario berkenaan ialah disebabkan kerja rumah atau tanggungjawab kepada keluarga.

Merujuk kajian yang dijalankan oleh Khazanah Research Institute (KRI), beliau berkata sekiranya terdapat peningkatan 30 peratus dalam Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (LFPR) golongan wanita, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) untuk Selangor turut akan meningkat daripada 25 peratus kepada 27 hingga 30 peratus.

Kajian Merdeka Centre dan The Asia Foundation di Selangor pada 2020 hingga 2022 juga menunjukkan wanita bekerja menghadapi cabaran kos penjagaan anak yang tinggi dan menghadapi cabaran masa bekerja tidak fleksibel yang memerlukan taska di tempat kerja.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 pada September lepas memberi perhatian khusus terhadap ekonomi penjagaan sekali gus dilihat sebagai solusi mampan bagi mendepani status negara tua selain sebagai strategi melonjakkan partisipasi wanita dalam pasaran buruh.



Jalani saringan kanser serviks percuma di Klinik Nur Sejahtera

© 2023-12-29T16:52:23+08:00



KUCHING: Golongan wanita di negeri ini digalakkan untuk menjalani saringan kanser serviks secara percuma di semua fasiliti Klinik Nur Sejahtera Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Sarawak sehingga 31 Disember ini.

Timbalan Premier yang juga Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dato Sri Dr Sim Kui Hian berkata, ujian saringan ini adalah penting untuk mencegah daripada kanser serviks serta risiko kematian.

Menurut Dr Sim, kanser serviks atau pangkal rahim boleh dirawat dan tiada wanita di Sarawak sepatutnya mati akibat kanser tersebut jika semua pihak memainkan peranan.

"Malangnya, kanser serviks di Sarawak adalah yang tertinggi di Malaysia dan baru-baru ini satu program iaitu Kempen Kasih Keluarga Kanser Serviks Sarawak oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diketuai Menteri Dato Sri Nancy Shukri telah diadakan.

"Program ini bukan sahaja memecah rekod ujian kanser serviks terbesar pernah dijalankan sehari melibatkan lebih 1,000 pesakit, tetapi lebih penting memastikan 90 peratus wanita menerima vaksin HPV pada usia 15 tahun," katanya menerusi rakaman video di Facebooknya.

Sehubungan itu, Dr Sim menyeru wanita agar mendapatkan ujian percuma ini sehingga 31 Disember berbanding bayaran RM400 yang dikenakan di klinik swasta.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Sim berkata Sarawak merekodkan 2,300 kes kanser baharu pada tahun 2022 di mana daripada jumlah itu, 53 peratus adalah pesakit wanita.

Kanser payudara katanya, merekodkan kes tertinggi kira-kira 38 peratus atau 469 kes, kedua kanser serviks (169 kes), ketiga kanser paru-paru (133 kes), keempat kanser endometrium diikuti kanser kolon dan ovari.

"Kebanyakan kes kanser payudara di Sarawak diagnosis lewat dan mereka berada pada Tahap 3 dan 4.

"Malangnya, hanya Tahap 1 dan 2 boleh dirawat, bermaksud jika dapat lakukan pemeriksaan kanser payudara sendiri setiap bulan.

"Jika pemeriksaan awal dilakukan, tiada sebab pesakit kanser payudara kita berada pada Tahap 3 dan 4 dan 469 wanita di Sarawak tidak akan mati akibat kanser payudara," katanya.

Dr Sim turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kumpulan Sokongan Bagi Pesakit Payudara Sarawak atas sokongan berterusan kepada pesakit dan bekas pesakit kanser payudara.

Bagaimanapun kata Dr Sim, semua pihak perlu bekerjasama kerana hanya jika anda sayangkan diri anda, pemeriksaan dan saringan dapat dijalankan.



Mengaku liwat kanak-kanak 12 tahun di asrama mualaf



TERTUDUH diiring keluar anggota polis selepas mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen, Ayer Keroh, Melaka terhadap dua daripada empat pertuduhan meliwat seorang kanak-kanak lelaki 12 tahun. - UTUSAN/SYAFEEQ AHMAD

Oleh HADI AB. MANAP 29 Disember 2023, 2:10 pm

MELAKA: Individu yang dilaporkan meliwat seorang murid darjah enam sebanyak 30 kali di sebuah asrama mualaf yang diuruskan oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sejak Mei lalu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini.

Tertuduh berusia 20 tahun itu membuat pengakuan bersalah atas pertuduhan meliwat seorang kanak-kanak lelaki 12 tahun.

Bagaimanapun, tertuduh, Bilal Rayyan Abdullah, hanya membuat pengakuan bersalah terhadap dua daripada empat pertuduhan yang dibacakan ke atasnya di hadapan Hakim Mohd. Sabri Ismail.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh yang juga rakan sebilik mangsa didakwa dengan sengaja melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii tanpa persetujuan, terhadap seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun.

Kesemua kesalahan itu dilakukan di bilik asrama dan tandas lelaki Kompleks Darul Huda, Balai Islam Melaka dalam daerah Melaka Tengah pada 14, 15, 22 dan 23 Mei 2023.

Bagi setiap pertuduhan mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan, tertuduh boleh dihukum penjara antara lima hingga 30 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwa dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Nazrin Ali Rahim tidak mencadangkan jaminan diberikan dengan mengambil kira pengakuan salahnya terhadap dua daripada empat pertuduhan.


Pendakwa turut memohon tarikh baharu sementara menunggu laporan sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandangkan tertuduh dikategorikan sebagai pesalah muda.

Mahkamah menerima permohonan pendakwa dan menetapkan 1 Februari 2024 untuk sebutan semula kes, serahan fakta kes dan penetapan hukuman.

Selasa lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan, seorang murid darjah enam trauma selepas dipercayai diliwat sebanyak 30 kali oleh rakan sebilikinya di sebuah asrama mualaf yang diuruskan oleh sebuah NGO.

Ketua Polis Melaka, Datuk Zainol Samah berkata, suspek direman enam hari bermula Isnin lalu bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Beliau berkata, mangsa pertama kali diliwat suspek tanpa kerelaan pada pukul 3 pagi, 14 Mei 2023 di asrama lelaki berkenaan. – UTUSAN



Pemandu lori didakwa rogol anak di hotel

Oleh Nur Izzati Mohamad - Disember 29, 2023 @ 12:41pm
bhnews@bh.com.my



BUTTERWORTH: Seorang pemandu lori mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret hari ini atas pertuduhan merogol anak perempuannya yang berusia 14 tahun di sebuah hotel Oktober lalu.

Tertuduh berusia 39 tahun membuat pengakuan itu ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Siti Zulaikha Nordin @ Ghani.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di bilik sebuah hotel di Simpang Ampat, Daerah Seberang Perai Selatan pada jam 2.30 pagi, 30 Oktober lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 30 tahun dan 10 sebatan maksimum.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohammad Syafiq Nasrullah Saleem Ali manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Pihak pendakwaan tidak menawarkan jaminan terhadap bapa kepada lima anak itu namun tertuduh memohon ikat jamin pada kadar minimum dengan alasan perlu menyara anak masih bersekolah selain mangsa tinggal bersama bekas isterinya di Perak.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin selain syarat tambahan iaitu tidak boleh mendekati dan mengganggu mangsa sehingga kes selesai.

Kes disebut semula pada 30 Januari depan bagi serahan dokumen dan lantikan peguam.



Seorang pemandu lori berusia 39 tahun diiringi anggota polis di Mahkamah Butterworth atas pertuduhan merogol anak perempuannya berusia 14 tahun. - Foto NSTP/Danial Saad



Lelaki disyaki rogol remaja perempuan 15 tahun di hotel Bau ditangkap

© 2023-12-29T16:55:14+08:00



KUCHING: Polis berjaya menahan seorang lelaki yang disyaki terlibat dalam kes rogol seorang perempuan berumur 15 tahun di sebuah hotel di Bau, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Bau DSP Jawai Francis Kempas berkata, lelaki itu kini ditahan reman sehingga 4 Januari tahun depan untuk membantu siasatan.

Menurutnya, suspek ditahan polis sekitar jam 1 petang, 27 Disember lalu di Lundu.


"Kami berjaya menahan suspek tidak sampai 24 jam selepas laporan polis dibuat oleh mangsa," kata Jawai ketika dihubungi hari ini.

Tambahnya, kes itu kini disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol.

"Jika sabit kesalahan, suspek boleh dipenjara selama tempoh sehingga 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebat," ujarinya.

Terdahulu, pada 27 Disember lalu, mangsa yang mendakwa dirinya dirogol telah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bau sekitar jam 12.47 pagi.

Dalam laporannya, mangsa mendakwa dia dirogol oleh suspek di sebuah hotel di daerah Bau.



TAJUK : PEMANDU LORI DITUDUH ROGOL ANAK DI BILIK HOTEL

HARI : SABTU

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 30 DIS 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Pemandu lori dituduh rogol anak di bilik hotel

Butterworth: Seorang pemandu lori dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam, atas pertuduhan merogol anak perempuannya berusia 14 tahun di sebuah hotel pada Oktober lalu.

Bagaimanapun, tertuduh yang berusia 39 tahun mengaku tidak bersalah ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Siti Zulaikha Nordin @ Ghani.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di bilik sebuah hotel di Simpang Ampat, Daerah Seberang Perai Selatan pada jam 2.30 pagi, 30 Oktober lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 30 tahun dan 10 sebatan maksimum.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohammad Syafiq Nasrullah Saleem Ali, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Pihak pendakwaan tidak menawarkan jaminan terhadap bapa kepada lima anak itu, namun tertuduh memohon ikat jamin pada kadar minimum dengan alasan perlu menyara anak masih bersekolah, selain mangsa tinggal bersama bekas isterinya di Perak.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin, selain syarat tambahan iaitu tidak boleh mendekati dan mengganggu mangsa sehingga kes selesai.

Kes disebut semula pada 30 Januari depan bagi serahan dokumen dan lantikan peguam

Sementara itu, di mahkamah sama, seorang penyelia kilang



Pemandu lori didakwa merogol anak berusia 14 tahun di Mahkamah Majistret Butterworth, semalam.

(Foto Danial Saad/BH)

mengaku tidak bersalah atas dua tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak perempuan berusia 15 tahun.

Tertuduh berusia 40 tahun didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (AKSTK) 2017 dan Seksyen 14 (b) akta sama kerana melakukan kesalahan itu di sebuah premis di Bandar Tasek Mutiara, Nibong Tebal pada 22 September 2023, jam 12 tengah hari dan 13 Disember 2023, jam 3 petang, yang sabit kesalahan boleh dipenjarakan tidak kurang 20 tahun dan boleh disabit.

Kes dikendalikan Timbalan

Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Nasrullah Saleem Ali, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Pihak pendakwaan tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap tertuduh berikutan mangsa masih tinggal bersamanya, namun tertuduh dalam rayuannya meminta jaminan ditawarkan dengan alasan dia berpendapatan RM3,000 sebulan dan menanggung isteri, dua anak serta seorang ibu menghidap kanser.

Mahkamah bagaimanapun tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan 30 Januari depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



TAJUK : MENGAKU LIWAT BUDAK 12 TAHUN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 30 DIS 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



BILAL Rayyan didakwa atas empat pertuduhan meliwat murid tahun enam pada Mei lalu. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

MENGAKU LIWAT BUDAK 12 TAHUN

Bekas penghuni rumah kebajikan kena empat pertuduhan

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Seorang bekas penghuni rumah kebajikan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas empat pertuduhan meliwat seorang murid tahun enam di kompleks saudara baru pada Mei lalu.

Tertuduh, Bilal Rayyan Abdullah, 20, mengaku bersalah terhadap pertuduhan pertama dan keempat namun meminta dibicarakan atas pertuduhan kedua dan ketiga pada pro-

siding didengar Hakim Mohd Sabri Ismail.

Mengikut pertuduhan pertama dan keempat, dia didakwa dengan sengaja melakukan persetubuhan bertentangan dengan aturan tabii iaitu dengan meliwat tanpa persetujuan terhadap kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di bilik asrama dan tandas lelaki kompleks saudara baru di Melaka Tengah, di sini, masing-masing pada 14 Mei lalu, kira-kira jam 3 pagi dan 23 Mei lalu, kira-kira 3 petang.

Bagi pertuduhan kedua dan ketiga, tertuduh didakwa mengulangi perbuatan

4

Jumlah pertuduhan meliwat seorang murid tahun enam dikenakan terhadap tertuduh

itu terhadap mangsa sama di tempat sama, pada 15 dan 22 Mei lalu, kira-kira jam 2 pagi dan 8 pagi.


Semua kesalahan itu dituduh mengikut Seksyen 377C Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang lima tahun dan maksimum 30 tahun serta sebatan, jika disabitkan ke-

salahan.

Berikutan Bilal Rayyan yang tidak diwakili peguam mengaku bersalah, Timbalan Pendakwa Raya Muhammad Nazrin Ali Rahim tidak menawarkan sebarang jaminan serta memohon tarikh baru bagi fakta dan hukuman.

Beliau berkata, tertuduh adalah pesalah muda, justeru pihak pendakwaan akan mendapatkan laporan sosial daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan dan menetapkan kes untuk fakta dan hukuman pada 1 Februari 2024.



TAJUK : PEMANDU LORI TAK MENGAKU NODA ANAK DI BILIK HOTEL

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 30 DIS 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



TERTUDUH diiringi anggota polis ke Mahkamah Majistret Butterworth.

Pemandu lori tak mengaku noda anak di bilik hotel

Butterworth: Seorang pemandu lori mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan merogol anak perempuannya yang berusia 14 tahun di sebuah hotel Oktober lalu.

Tertuduh berusia 39 tahun membuat pengakuan itu ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Siti Zulaikha Nordin @ Ghani.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan perbuatan jijik itu di bilik sebuah hotel di Simpang Ampat, Daerah

Seberang Perai Selatan pada jam 2.30 pagi, 30 Oktober lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan yang sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum 30 tahun dan 10 sebatan maksimum.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Mohammad Syafiq Nasrullah Saleem Ali manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Pihak pendakwaan tidak menawarkan sebarang jaminan terhadap bapa kepada lima anak itu

namun tertuduh memohon ikat jamin pada kadar minimum dengan alasan perlu menyara anak masih bersekolah selain mangsa tinggal bersama bekas isterinya di Perak.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin selain syarat tambahan iaitu tidak boleh mendekati dan mengganggu mangsa sehingga kes selesai.

Kes disebut semula pada 30 Januari depan bagi serahan dokumen dan lantikan peguam.



TAJUK : PENYELIA DIDAKWA BUAT AMANG SEKSUAL FIZIKAL TERHADAP ANAK

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 30 DIS 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Penyelia didakwa buat amang seksual fizikal terhadap anak

Butterworth: Seorang penyelia kilang dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini, semalam atas dua tuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak kandung berusia 15 tahun.

Tertuduh berusia 40 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah ketika kertas pertuduhan dibacakan jurubahasa terhadapnya di hadapan Majistret Siti Zulaikha Nordin@Ghani.

Di hadapan dua pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja perempuan berusia 15 tahun yang juga anak kandungnya.

Kedua-kedua kesalahan itu didakwa dilakukan di sebuah premis di Nibong Tebal, jam 12 tengah hari,

22 September lalu, dan jam 3 petang, 13 Disember lalu.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak (AKSTK) 2017 dan Seksyen 14 (b) akta yang sama.


Jika sabit kesalahan, tertuduh bakal berdepan hukuman penjara tidak kurang 20 tahun dan boleh disebat.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Nasrullah Saleem Ali manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah tidak membenarkan tertuduh diikat jamin dan menetapkan 30 Januari depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



TERTUDUH dibawa ke mahkamah bagi dikenakan pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak kandungnya berusia 15 tahun, semalam. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD



TAJUK : MAN UNDER REMAND FOR ALLEGEDLY RAPING 15-YEAR-OLD GIRL IN BAU HOTEL

HARI : SABTU

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 30 DIS 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Man under remand for allegedly raping 15-year-old girl in Bau hotel

KUCHING: A male suspect is currently under remand until Jan 4 next year after he was arrested for allegedly raping a 15-year-old girl at a hotel in Bau recently.

Bau police chief DSP Jawai Francis Kempas said the suspect was picked up by police around 1pm on Dec 27 in Lundu.

"We managed to arrest the suspect less than 24 hours after a police report was lodged by the victim," Jawai said when contacted yesterday.


According to her, the case is being investigated under Section 376 of the Penal Code for rape.

If found guilty, the suspect

could face a maximum 20 years in prison and would also be liable to caning.

On Dec 27, the victim lodged a report at the Bau District police headquarters at 12.47am, claiming that she had been raped.

In her report, the victim claimed she was raped by the suspect in a hotel in Bau.



TAJUK : **HELP CHILDREN THRIVE IN 2024**

HARI : **SABTU**

AKHBAR : **THE STAR**

TARIKH : **30 DIS 2023**

M/SURAT : **16**

TONE : **POSITIF**

SEKTOR : **KPWKM**

EVERY child, every little person on this planet, holds an irreplaceable spark of hope and potential. Their dreams are the foundation upon which our shared future is built. As we stand on the threshold of a new year, the urgency to fiercely protect and nurture these precious souls becomes ever more pressing.

No child, regardless of their circumstances, should endure the cruel brunt of injustice, deprivation, or violence. Every child, without exception, deserves the fundamental right to an identity, a nationality, to education, good health, to safety and love at home, with family and loved ones. These are universal truths that we, as a global community, must uphold with unwavering determination and compassion.

The year 2024 must be a clarion call for action, a year dedicated to safeguarding the sanctity of childhood. It is our collective responsibility, our moral obligation, to rally together and create a world where every child matters.

We must champion the universal recognition and protection of children's rights. The United Nations Convention on the Rights of the Child lays down a blueprint for safeguarding these rights – the right to life, identity,

Help children thrive in 2024



Photo: CHAN TAK KONG/The Star

education, and protection from all forms of harm. It is imperative for all nations to not just endorse these principles but to enshrine them in law and practice. What has happened? Are these mere words now?

Education stands as an unyielding cornerstone in this

endeavour. Every child, irrespective of his or her circumstances, deserves access to quality education. It is through education that the wings of children's aspirations can take flight, leading them away from the shadow of poverty and the barren land of ignorance. We must strive to

eliminate barriers to education, whether they be financial, social, or systemic, and ensure that every child has the opportunity to learn and grow.

We must confront head-on the pernicious forces that seek to harm and exploit children. This includes combating child labour and trafficking, and all forms of abuse and exploitation.

And this must include a ceasefire in Gaza in the ongoing Israel-Hamas war there and in every area of conflict in the world.

Every nation must strengthen its legal and social protections for children, ensuring that they are shielded from harm and given the chance to live a life free from exploitation and fear. You cannot cry foul over violations that fail to protect children in another country and yet violate the rights of children in your own country. That's called hypocrisy.

Healthcare is another pivotal aspect of ensuring every child's well-being. Access to quality healthcare, including preventive care, vaccinations and treatment, should be a universal right. No child should suffer or perish from


preventable or treatable illnesses due to a lack of access to healthcare. Why are we disallowing children from seeking healthcare?

Beyond policies and laws, we must foster a culture of empathy, respect, and support for children. Families, communities and societies at large must champion the rights of every child, providing him or her with unconditional love, support and encouragement to pursue his or her dreams and ambitions.

The year 2024 must mark a turning point, where we increase our commitment to safeguarding the sanctity of childhood and ensuring that every child's irreplaceable spark of hope and potential is cherished and allowed to burn brightly.

Together, let us forge a world where every child is valued, protected, and given the opportunity to thrive, not just survive. We must ensure that children live.

DATUK DR HARTINI ZAINUDIN
Child activist and
co-founder of
Yayasan Chow Kit
Kuala Lumpur



TAJUK : MAN PLEADS GUILTY TO SEXUALLY ASSAULTING BOY

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 30 DIS 2023

M/SURAT : 07

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Man pleads guilty to sexually assaulting boy

MELAKA: A 20-year-old youth who faced four counts of sexual assault on a boy pleaded guilty to two of the charges at the Sessions Court here.

While the accused pleaded guilty to the two charges before judge Mohd Ismail Sabri yesterday, no plea was recorded for the other two charges.

The four charges were related to

the accused having allegedly sodomised a 12-year-old boy since May.

The offences were allegedly committed at a hostel and a male toilet at a complex in the Melaka Tengah district between May 14 and 23.

The accused, a former inmate of Henry Gurney Correctional School in Telok Mas here, faced all four charges under Section

377C of the Penal Code, which carries a maximum of 30 years' jail and whipping, if found guilty.

Deputy public prosecutor Muhammad Nazrin Ali Rahim asked the court not to grant bail to the accused in view of the pending two charges.

The court fixed Feb 1 for next mention and denied bail to the accused.

On Tuesday, the media reported that a 12-year-old boy was said to have been repeatedly sodomised by an adult senior at a hostel here.

Melaka police chief Deputy Comm Datuk Zainol Samah had said the Year Six pupil and his mother, a teaching assistant at a religious institution, have been living at the hostel since April.



TAJUK : SHACKLED IN FIGHT AGAINST SEX SCOURGE

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 30 DIS 2023

M/SURAT : 08

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Shackled in fight against sex scourge

D11: Society needs to shed hang-ups to help kids who are sexually abused

By FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: On any given day, at least four children are sexually assaulted in Malaysia – and this is only counting those cases that are reported to the police.

This daily average is calculated based on figures provided by Asst Comm Siti Kamsiah Hassan (pic), who revealed that the police received a total of 5,751 cases from 2019 to October this year, a period of 1,464 days.

The Bukit Aman Sexual, Women and Child Investigations Division (D11) principal assistant director said that of the total, female victims made up 85% while the rest were males.

In almost 90% of those cases, the perpetrators were known to the victim and include family members, relatives, teachers, coaches, caretakers and daycare centre operators.

Greater access to technologies such as the Internet and mobile phones is fuelling this pandemic of abuse as it makes it easier for predators to connect with their victims, after which they are groomed, manipulated and silenced, she said.

Despite such cases receiving wide media coverage and the authorities' commitment to stamp out this scourge, ACP Siti Kamsiah believes that society is not doing enough. She recently sat down with *The Star* to talk about how Malaysians' conservatism when it comes to talking honestly, respectfully and intelligently about sex has harmed society's efforts to protect children.

This lack of constructive dialogue about sex and how to teach children about sexual abuse, coupled with widespread Internet access, has made them especially vulnerable to abuse.

Q: Why are there fewer reports of assault and abuse among boys?

A: Firstly, it is due to shame because sexual abuse is not something that can be talked about openly. Secondly, they are afraid that no one will believe them. Thirdly, they are unaware that a crime is being committed against them because the perpetrator is also a male. Finally, they are afraid of being judged by society.



Q: What contributes to this lack of knowledge about abuse among boys?

A: This is where the media can play an important role in creating awareness. We can no longer hide issues surrounding sexual abuse. There has to be an openness in society to discuss this in a civilised manner. Children lack knowledge about sexual abuse because no one talks to them about it. We wait until they go to school, but even then, teachers have restrictions.

So, we need to be open about this topic. A quick search on the Internet gives you everything on the topic, but many people dare not talk about what sexual abuse or harassment is, so children make their own assumptions. Our inability to be more open about the subject is the main reason for this problem.

Q: The Health Ministry's Health and Morbidity Survey on Adolescent Health Survey in 2022 found that children are having sex at a younger age. So why are we still not open to talking about sex?

A: Our society continues to look at this topic as taboo. But there needs to be a way to talk about it with our children. In school, there is a module, but it needs to go beyond what is a "bad touch" or a "good touch". There should also be a list of red flags or updated information on social media conduct. Modules should be updated with the latest trends so that children can defend themselves.

With today's technology, children are able to access content like pornography more easily. You see children as young as one being



given mobile phones. So how are we controlling the kinds of content that our children can access? Is there parental control?

We must also be aware that children are more advanced than their parents when it comes to using technology and accessing content.

Q: Even if we cannot completely eradicate sexual abuse, how can we reduce it?

A: We need to reduce or prevent children from accessing harmful content, but we also need to teach them how to conduct themselves safely online, especially on social media. These "adab" or behaviours are vital, especially on social media.

At the moment, it is all open about what you can talk about or what you can be exposed to. Children have to be taught about boundaries on how they communicate; the dos and don'ts. You have to teach them that if someone asks for your picture, they should not share and they should not be overly friendly.


These are things we are not teaching our children. Parents often react too late and only when things have escalated to physical harm.

Q: Could you share some cases that you cannot forget?

A: There was a case involving a foreigner based in Malaysia who used sexual extortion against 200 overseas victims. He used fake identities or aliases with various accounts. He communicated with children below 15 years old. He started off by making friends and started grooming his targets by asking for their pictures. He manipulated them by showering them with compliments and this led them to share more intimate pictures.

He then threatened to share these pictures with their friends if they did not agree to send him more explicit material. Or he would force them to introduce two of their friends to him.

Breakdown of age for sexual abuse cases among children



Online predators: Red flags to look out for

1. Predators ask a lot of personal questions.
2. Predators may pretend to be a kid but don't talk like one.
3. Predators may be someone you know in real life who uses your online world to become closer friends.
4. Predators may send you a random DM (direct message).
5. Predators ask for photos, not sexual in nature at first.
6. Predators talk in a sexual way.
7. Predators ask kids to perform a task in exchange for game currency or cash.
8. Predators want to chat privately outside of public venues during the first meet.
9. Predators want to keep the friendship a secret.
10. Predators have limited posts, photos and followers but are following a lot of people.

Source: Revved Up Kids

TheStargraphics

So, this was like a multi-level pyramid scheme, which grew and grew until there were 200 victims.

This happened during the movement control order in Malaysia, but the victims were mostly in the United States. This is one of our most successful cases as we arrested and charged the perpetrator, thanks to a joint overseas effort following reports from several victims. It was not an easy case, but we managed to apprehend the suspect.

There were also cases involving boys who played (online video game) PUBG, where they needed tokens to play. So there were online predators who would offer these boys tokens in exchange for lewd pictures. Some of these players would then also sell these pictures for tokens and rewards, thus creating a vicious cycle.

Q: How can we help more victims come forward?

A: Police carry out a lot of awareness programmes, but we need a strong support system for this because there needs to be awareness on the types of offences, what actions should be taken and what the red flags are. If victims are asked to share something inappropriate, they should know that it is wrong to do so.

For children, they must know how to stay safe online and be aware of the risks. Children need to improve their technical knowledge, especially on cybersecurity, and they must have strong moral values.

Parents also need to know the risks of children being online and how they can prevent their children from becoming victims.





TAJUK : POLIS BERKAS SUSPEK KES ROGOL DI HOTEL BAU

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 30 DIS 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Polis berkas suspek kes rogol di hotel Bau

KUCHING: Polis berjaya menahan seorang lelaki yang disyaki terlibat dalam kes rogol seorang perempuan berumur 15 tahun di sebuah hotel di Bau, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Bau DSP Jawai Francis Kempas berkata, lelaki itu kini ditahan reman sehingga 4 Januari tahun depan untuk membantu siasatan.

Menurutnya, suspek di-

tahan polis sekitar jam 1 petang, 27 Disember lalu di Lundu.

“Kami berjaya menahan suspek tidak sampai 24 jam selepas laporan polis dibuat oleh mangsa,” kata Jawai ketika dihubungi semalam.

Tambahnya, kes itu kini disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol.

“Jika sabit kesalahan, suspek boleh dipenjara selama

tempoh sehingga 20 tahun dan juga boleh dikenakan sebat,” ujarnya.

Terdahulu, pada 27 Disember lalu, mangsa yang mendakwa dirinya dirogol telah membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Bau sekitar jam 12.47 pagi.

Dalam laporannya, mangsa mendakwa dia dirogol oleh suspek di sebuah hotel di daerah Bau.



TAJUK : WANITA DIGALAK JALANI SARINGAN KANSER SERVIKS PERCUMA DI KLINIK NUR SEJAHTERA

HARI : SABTU

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 30 DIS 2023

M/SURAT : 01

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita digalok jalani saringan kanser serviks percuma di Klinik Nur Sejahtera



DR SIM

KUCHING: Golongan wanita di negeri ini digalok untuk menjalani saringan kanser serviks secara percuma di semua fasiliti Klinik Nur Sejahtera Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Sarawak sehingga 31 Disember ini.

Menteri Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dato Sri Dr Sim Kui Hian berkata, ujian saringan ini adalah penting untuk mencegah daripada kanser serviks serta risiko kematian.

Menurut Dr Sim, kanser serviks atau pangkal rahim boleh dirawat dan tiada wanita

di Sarawak sepatutnya mati akibat kanser tersebut jika semua pihak memainkan peranan.

"Malangnya, kanser serviks di Sarawak adalah yang tertinggi di Malaysia dan baru-baru ini satu program iaitu Kempen Kasih Keluarga Kanser Serviks Sarawak oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diketuai Menterinya Dato Sri Nancy Shukri telah diadakan.

"Program ini bukan sahaja memecah rekod ujian kanser serviks terbesar pernah dijalankan sehari melibatkan

lebih 1,000 pesakit, tetapi lebih penting memastikan 90 peratus wanita menerima vaksin HPV pada usia 15 tahun," katanya menerusi rakaman video di Facebooknya.

Sehubungan itu, Dr Sim menyeru wanita agar mendapatkan ujian percuma ini sehingga 31 Disember berbanding bayaran RM400 yang dikenakan di klinik swasta.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Sim berkata Sarawak merekodkan 2,300 kes kanser baharu pada tahun 2022 di mana daripada jumlah itu, 53 peratus adalah pesakit wanita.

Kanser payudara katanya, merekodkan kes tertinggi kira-kira 38 peratus atau 469 kes, kedua kanser serviks (169 kes), ketiga kanser paru-paru (133 kes), keempat kanser endometrium diikuti kanser kolon dan ovari.

"Kebanyakan kes kanser payudara di Sarawak diagnosis lewat dan mereka berada pada Tahap 3 dan 4.

"Malangnya, hanya Tahap 1 dan 2 boleh dirawat, bermaksud jika dapat lakukan pemeriksaan kanser payudara sendiri setiap bulan.

"Jika pemeriksaan awal dilakukan, tiada sebab pesakit

kanser payudara kita berada pada Tahap 3 dan 4 dan 469 wanita di Sarawak tidak akan mati akibat kanser payudara," katanya.

Dr Sim turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Kumpulan Sokongan Bagi Pesakit Payudara Sarawak atas sokongan berterusan kepada pesakit dan bekas pesakit kanser payudara.

Bagaimanapun kata Dr Sim, semua pihak perlu bekerjasama kerana hanya jika anda sayangkan diri anda, pemeriksaan dan saringan dapat dijalankan.